

31/08/1997

KLIA simbol negara masuki alaf baru

Ebi Azly Abdullah

SEORANG pengunjung yang melawat negara ini buat kali pertama sudah tentunya akan terpegun. Apabila mendarat saja di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), dia akan memasuki bangunan terminal satelit yang dipenuhi rimbunan hijau.

Sebaik bergerak memasuki bangunan, pengunjung berkenaan kagum dengan sistem bagasi yang memerlukan menyentuh papan muka hand-imprint apabila memasuki terminal. Kemudian dia menaiki sistem transit bertrek (TTS) yang membawanya ke Bangunan Terminal Utama (MTB) dan seterusnya melewati kaunter pemeriksaan imigresen dan kastam.

Selepas menguruskan bagasi dan imigresen, pengunjung itu kemudian menaiki Hubungan Rel Ekspres (ERL) untuk ke Pusat Pentadbiran Kerajaan di Putrajaya. Di situ dia bertambah terpegun dengan pentadbiran menerusi elektronik sepenuhnya, yang sekaligus mengurangkan birokrasi.

Gambaran itu mungkin seolah-olah satu impian, tetapi ia dijangka menepati ramalan seawal 1999. Inilah perancangan kerajaan selaras pertumbuhan ekonomi pesat negara, iaitu untuk mewujudkan sebuah lapangan terbang yang boleh mencerminkan kematangan negara di peringkat antarabangsa, dan penubuhan sebuah pusat pentadbiran pusat yang disegani.

Fasa pertama projek pembinaan KLIA bernilai RM8 bilion yang juga dianggap lapangan terbang terbesar di rantau ini, akan siap akhir tahun ini, manakala Putrajaya membabitkan kawasan seluas kira-kira 4,400 hektar di daerah Sepang, Selangor.

Idea untuk mewujudkan KLIA timbul sejak awal 1980-an, apabila Lapangan Terbang Subang gagal menampung peningkatan jumlah penumpang dan kargo yang memasuki negara ini. Peningkatan peratusan penumpang pada kadar 15 peratus setahun, yang lebih tinggi daripada kadar serantau, menyebabkan kerajaan terpaksa mengkaji kemungkinan mewujudkan KLIA.

Satu kajian dilakukan dan ia mendapati Subang tidak lagi mampu untuk menerima peningkatan penumpang khususnya bagi alaf mendatang, dan kemudahan di lapangan terbang berkenaan pula tidak boleh diperbesarkan, yang membawa kepada perancangan KLIA.

Pada 1991, pegawai kerajaan memilih lapan tapak yang dikenal pasti untuk KLIA yang memenuhi kriteria berikut:

- * jumlah tanah mencukupi (sekurang-kurangnya 10,000 hektar) untuk KLIA;
- * boleh dihubungi dari Kuala Lumpur dalam tempoh 30 minit;
- * memenuhi semua keperluan aeronautik; dan
- * perlu sesuai dari segi topografi, keadaan tanah dan kemudahan yang tidak menjejaskan alam sekitar.

Satu tapak berhampiran Sepang, 50 kilometer dari Kuala Lumpur kemudian dipilih kerana beberapa faktor. Ia termasuk jumlah keluasan tanah yang sesuai, kedudukannya yang hampir dengan Lembah Klang dan boleh dihubungkan dengan Kuala Lumpur dalam tempoh 30 minit.

Pada Februari 1992, kerajaan mengarahkan Anglo-Japanese Airport Consortium Sdn Bhd (Ajac) untuk melaksanakan kajian pelan induk bagi KLIA. Ajac menyerahkan laporan kajian berkenaan kepada kerajaan pada Disember 1992 dalam empat volum utama.

Matlamat kerajaan ialah untuk mewujudkan sebuah lapangan terbang yang efisien, kompetitif dan estetik yang juga boleh menjadi pusat penerbangan untuk rantau Asia Tenggara.

Ia akan dibangunkan menerusi tiga fasa utama. Fasa pertama dijadualkan siap akhir 1997 dan beroperasi awal 1998. Beroperasi 24 jam, ia dijangka

menampung kira-kira 25 juta penumpang dan sejuta tan kargo dalam tempoh setahun pelancarannya.

Fasa pertama KLIA antara lain merangkumi sebuah Bangunan Terminal Utama (MTB) dengan 80 pintu masuk hubungan, berasingan dan ramp pelbagai pesawat, sebuah bangunan satelit dan dua landasan.

Fasa pertama KLIA membabitkan 80 kontraktor termasuk projek yang diswastakan. Projek yang bermula sejak 1995 itu dilaksanakan oleh 25,000 pekerja dengan 55 peratus daripadanya rakyat tempatan.

Pembinaan MTB yang pertama direka khas bukan saja untuk membenarkan kapasiti 25 juta penumpang setahun pada hari pembukaan, tetapi dengan kapasiti tambahan 35 juta dan seterusnya 45 juta penumpang.

Semua penerbangan domestik, Singapura dan bercampur akan berkhidmat dari sebuah jeti hubungan berhampiran MTB. Bagi penerbangan antarabangsa, ia akan berkhidmat dari bangunan satelit yang dihubungkan ke MTB menerusi sistem transit trek (TTS).

Sistem TTS unik kerana ia mempercepatkan pergerakan penumpang tanpa perlu berjalan kaki terlalu lama. Ia menghubungkan dua stesen, sebuah di satelit dan sebuah lagi di MTB. Ia direka untuk memastikan tempoh frekuensi setiap tiga minit dan beroperasi secara automatik.

Kemudahan terminal dan apron tambahan akan dibina apabila kapasiti melebihi 60 juta penumpang setahun. Ia akan membabitkan pembinaan sebuah lagi MTB dengan dua satelit tambahan. Fleksibiliti perancangan KLIA membolehkan kemudahan tambahan dimasukkan ke dalam pelan induk tanpa halangan.

Misalnya, pembinaan landasan ketiga boleh dilaksanakan apabila jumlah penerbangan melebihi kapasiti dua landasan sedia ada. Landasan KLIA direka supaya ia bukan saja boleh menampung semua bentuk pesawat komersil sedia ada, malah pesawat Super Jumbo yang sedang dalam perancangan.

Satu keunikan KLIA ialah MTB dan satelitnya memiliki konsep lanskap unik yang mewujudkan suasana 'hutan' di dalam bangunan berkenaan. Kedua-dua bangunan berkenaan akan mempunyai laluan penumpang yang luas dan jelas untuk membantu penumpang bergerak.

Selain itu, ia menerapkan konsep Pengurusan Lapangan Terbang Total (TAMS) yang dianggap terancang di dunia. Konsep TAMS memastikan sistem komunikasi KLIA sentiasa di tahap tertinggi dan tanpa sebarang gangguan.

Sistem bagasi KLIA pula yang direka oleh syarikat tempatan, dianggap antara yang terancang di dunia kerana menggabungkan konsep hand-imprint untuk mempercepatkan pengambilan bagasi penumpang.

Seorang penumpang yang baru tiba ke negara ini juga tidak perlu bimbang untuk ke pusat bandar, kerana pelbagai kemudahan pengangkutan disediakan untuk membantu mereka. Ia termasuk ERL, lebuhraya baru dan perkhidmatan limosin satelit.

Perkhidmatan ERL sepanjang 39 kilometer dari stesen kereta api KL Sentral ke bangunan terminal utama KLIA membolehkan penumpang mengesahkan tiket dan bagasi di ibu kota sebelum ke lapangan terbang, dan sebaliknya.

Bagi memastikan semua berjalan lancar sebelum pembukaannya awal tahun depan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri akan menyaksikan pelancaran tempoh ujian KLIA pada 15 September ini. Ujian itu termasuk jangka masa penumpang memasuki pesawat bermula daripada kaunter tiket, perjalanan ke terminal dan pemeriksaan keselamatan.

Tidak jauh dari KLIA, projek Putrajaya juga sedang dilaksanakan. Projek gergasi pembinaan pusat pentadbiran baru kerajaan berharga RM20.09 bilion dirancang sebagai bandar raya futuristik.

Putrajaya terletak kira-kira 25 kilometer dari Kuala Lumpur dan lapan kilometer dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) akan dilengkapi dengan sistem telekomunikasi termaju kelajuan tinggi menggunakan fiber optik sebagai tulang belakang prasarana

telekomunikasinya, satelit komunikasi dan menara frekuensi radio.

Satu perjanjian dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Selangor, 20 Julai lalu bagi membolehkan perbadanan itu menguruskan fungsi eksekutif, tanah, pembangunan, protokol, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri.

Kawasan Perbadanan Putrajaya itu membabitkan kawasan seluas kira-kira 4,400 hektar di daerah Sepang, Selangor. Penubuhan perbadanan itu berasaskan kepada Perkara 80 (5) dan 92 (1) Perlembagaan Persekutuan.

Mengikut Perkara 80 (5), perkiraan boleh dibuat di antara Kerajaan Persekutuan dan sesebuah negeri bagi pelaksanaan sebarang tugas oleh pihak berkuasa Persekutuan bagi pihak berkuasa negeri.

Satu perjanjian dimeterai di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Selangor, 20 Julai lalu bagi membolehkan perbadanan itu menguruskan fungsi eksekutif, tanah, pembangunan, protokol, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan negeri. Kerajaan Selangor pula meluluskan satu Enakmen bagi memperakui perjanjian itu 1 Ogos lalu.

Pembangunan Putrajaya yang akan dimulakan akhir tahun ini berunsurkan bandar raya dalam taman, berharmoni dengan alam sekitar serta futuristik dan unik sebagai model pembangunan bandar di peringkat antarabangsa.

Ia menjanjikan kehidupan selesa, memberangsangkan serta berkualiti bagi memastikan penduduknya menikmati segala kemudahan sebagai penempatan termoden dan terunggul.

Pembangunan Putrajaya membabitkan pemindahan 18 kementerian akan menempatkan 76,000 kakitangan Kerajaan Persekutuan dengan pembinaan 1.5 juta meter persegi ruang pejabat.

Sebanyak 52,000 unit rumah dibina termasuk 17,500 unit sebagai perumahan kakitangan awam, 17,500 untuk dijual kepada kakitangan kerajaan manakala selebihnya dijual kepada orang awam.

Putrajaya akan menggunakan sistem sambungan bersepadu berteknologi tinggi merangkumi Sistem Pengurusan Kemudahan (SPK), Sistem Pengurusan Maklumat bandar raya (SPMB), Telekomunikasi dan Sistem Pengangkutan Bersepadu (SPB).

SPK membabitkan sistem kawalan trafik, tempat letak kereta, sistem kawalan dan pengawasan bangunan manakala SPMB menggunakan Sistem Maklumat Geografi, Data Pertukaran Elektronik dan kios maklumat.

Sistem telekomunikasi dalam dan luar bandar raya akan memanfaatkan persidangan video, multimedia, PABX, ISDN dan CATV manakala SPB akan menggunakan lebuh raya, sistem transit aliran ringan (LRT) dan kereta api hubungan ekspres (ERT) untuk kemudahan perhubungan dalam dan keluar bandar raya.

Putrajaya memaparkan ciri teknologi terkini terutama penyediaan robot menggunakan kepintaran buatan (artificial intelligence) untuk pelbagai perkhidmatan.

Selain perkhidmatan robot, kios informasi multimedia disediakan sekiranya pengguna menghadapi masalah menentukan lokasi jabatan kerajaan di bandar raya itu.

Melalui kios itu yang dilengkapi dengan mesin memproses permohonan pelbagai perkhidmatan dapat dilakukan seperti memperbaharui lesen memandu atau cukai jalan.

Pengguna tidak perlu bersusah payah beratur di kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) lagi. Permohonan siap dalam masa lima minit, pengguna tidak akan hampa dengan perkhidmatannya.

Tetapi jangan lupa membawa kad pintar (smartcard) sekiranya memasuki bandar raya itu kerana anda akan ditahan robot dan polis atas kesalahan menceroboh. Ini kerana kad pintar akan bertindak sebagai kad pengenalan diri dan juga kad kredit bagi memudahkan anda membuat pelbagai urusan termasuk pembayaran bil, membeli-belah dan menaiki sistem transit aliran

ringan atau bas yang ada di bandar raya itu.

Kegiatan di bandar raya bistari itu digerakkan oleh maklumat yang memanfaatkan Internet, Lebu Raya Maklumat Kebangsaan, persidangan video, teleshopping, telebanking, multimedia, pembelajaran jarak jauh, orientasi objek, video dalam permintaan, telecentre, pengaliran dokumen dan bengkel.

Konsep perancangan bandar raya pintar itu yang dilengkapi semua kemudahan telekomunikasi terkini berlandaskan prinsip jalinan tiga hala iaitu hubungan manusia dengan pencipta-Nya, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam.

Berdasarkan konsep itu pembangunan Putrajaya memberi pengertian luar bagi mengekalkan ekokultur, peka kepada alam sekitar dan setia kawan lagi penyayang.

(END)